

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**

**KAWASAN : BUKIT GANTANG**

**TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 16**

#### **SOALAN**

**YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa hak Bumiputera tidak tergugat dengan perjanjian TPPA yang telah ditandatangani memandangkan pencapaian Bumiputera masih ketinggalan dalam banyak segi. .

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

TPPA tidak meminda Perlembagaan Negara. Dalam erti kata lain, TPPA tidak menggugat hak Bumiputera, malah TPPA telah memberi pengiktirafan ke atas hak Bumiputera. Dalam banyak perkara yang

berkaitan, Malaysia telah merundingkan fleksibiliti, tempoh transisi dan juga pengecualian. Ini terutamanya dilihat dalam Bab Perolehan Kerajaan dan Bab Syarikat Milik Kerajaan. Antara contohnya termasuk:

- i. Dasar 30% *set-aside* khas untuk kontraktor Bumiputera dalam perolehan Kerajaan;
- ii. Kontrak kerajaan di bawah SDR63 juta (RM315) juta tidak dibuka kepada negara-negara TPP. Nilai ini akan di turunkan ke paras SDR 14 juta atau RM 70 juta dalam tempoh 20 tahun;
- iii. Projek kerjasama awam swasta dan projek-projek luar bandar dikecualikan;
- iv. PNB, KWSP, KWAP, LTH, LTAT, MARA, TERAJU dan EKUINAS dikecualikan daripada sebarang disiplin yang dikenakan terhadap Syarikat Milik Kerajaan (SOE) di dalam TPP; dan
- v. Pembelian sebanyak 40% daripada bajet tahunan SOE di khususkan kepada syarikat Bumiputera, IKS, Sabah dan Sarawak.

2. Di samping itu, pengecualian obligasi daripada TPPA juga diberi kepada Kerajaan Negeri / tempatan. Ini dapat dilihat dari segi pengecualian komitmen Negeri atas dasar pentadbiran tanah, perolehan Kerajaan Negeri, dan badan berkanun milikan Kerajaan Negeri yang mempunyai kaitan ke atas impak dasar Bumiputera.

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan sentiasa komited dalam membantu usahawan Bumiputera dan ini dibuktikan melalui pelbagai bentuk bantuan termasuk

khidmat nasihat, insentif cukai, bantuan kewangan dan pembangunan kapasiti termasuk latihan keusahawanan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

4. Bagi tahun 2015, Kerajaan telah menyediakan 63 program pembangunan dan bantuan kewangan dengan peruntukan kewangan sebanyak RM3.83 bilion. Program tersebut dilaksanakan melalui sepuluh (10) Kementerian dan 27 Agensi. Seperti contoh, MITI melalui SME Corp. melaksanakan beberapa inisiatif yang menyokong pembangunan usahawan mikro Bumiputera. Antara langkah yang dilaksanakan adalah termasuk Program TUBE - satu inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan generasi muda menceburi bidang perniagaan. Sehingga kini, hampir 1,000 usahawan telah menyertai program TUBE. Sejumlah 448 usahawan belia telah mengikuti program ini pada tahun 2015 dan mencapai nilai jualan terkumpul sebanyak RM17.8 juta. Sebanyak 848 peluang pekerjaan telah diwujudkan di bawah Program ini.

5. Kerajaan menyedari akan cabaran yang bakal dihadapi akibat daripada liberalisasi pasaran di samping obligasi untuk meningkatkan standard produk dan perkhidmatan. Justeru, program bina upaya dan pelbagai bantuan Kerajaan akan terus dipertingkatkan dari pelbagai aspek bagi membantu IKS khususnya penyertaan Bumiputera untuk mendapatkan manfaat daripada pelbagai FTA seperti TPPA dalam jangka masa panjang sama ada secara langsung atau tidak langsung.